

POLA BAHASA KEMURUNGAN DI MEDIA SOSIAL: ANALISIS KORPUS LINGUISTIK

*UMAIMAH BINTI KAMARULZAMAN**
Universiti Teknologi MARA, Selangor, Malaysia
Umaimah2038@uitm.edu.my

ROZAIMAH BINTI RASHIDIN
Universiti Teknologi MARA, Selangor, Malaysia
rozai451@uitm.edu.my

NURUL AFNIEZA BINTI MD ZAIN
Universiti Teknologi MARA, Selangor, Malaysia
afnieza8728@uitm.edu.my

ZURAI DAH BINTI JANTAN
, Universiti Teknologi MARA, Selangor, Malaysia
zuraidah0420@uitm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Isu kesihatan mental dan gejala kemurungan semakin membimbangkan kerana telah mengakibatkan peningkatan kes kematian. Justeru itu, kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti dan menyediakan input linguistik berdasarkan kumpulan pesakit yang mengalami masalah kemurungan dan kesihatan mental di media sosial. Pemprofilan bahasa kemurungan dalam kalangan pesakit mental dilakukan dengan pengenalanpastian menerusi pola-pola bahasa yang terhasil daripada kekerapan kata, penelitian makna perkataan, penggunaan frasa dan ayat yang boleh membantu dalam mengenal pasti simptom awal gejala kemurungan ini. Penelitian pola bahasa yang melibatkan penggunaan leksis yang berkaitan emosi, kata adjektif, dan kata ganti nama diri yang merupakan hasil kajian menerusi pembangunan koleksi data raya iaitu korpus Bahasa Kemurungan Bahasa Melayu (KoBKMelayu). Pendekatan Linguistik Korpus dan Analisis Prosodi Semantik diaplikasikan dalam membangunkan pangkalan data korpus tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa pola bahasa yang wujud menghasilkan satu kerangka model bahasa kemurungan yang dapat difahami secara umum serta dapat meningkatkan kefahaman tentang isu kemurungan dan kesihatan mental secara keseluruhan. Selain itu, model ini juga secara tidak langsung dapat membantu dalam menangani masalah kesejahteraan mental masyarakat dengan lebih efektif melalui pendekatan linguistik di media sosial dan platform lainnya.

Kata Kunci: Bahasa kemurungan; data korpus; korpus linguistik; semantik; kesihatan mental

LANGUAGE PATTERNS OF DEPRESSION ON SOCIAL MEDIA: ANALYSIS OF LINGUISTIC CORPUS

ABSTRACT

The increasing concern over mental health issues and depressive symptoms is alarming due to its contribution to rising mortality rates. This study aims to examine and provide linguistic insights on a group of patients experiencing depression and mental health problems on social media. The research focuses on language profiling of depression among individuals with mental illness by identifying language patterns such as word frequency, meaning of words, phrases, and sentences that can aid in identifying early symptoms of depression. This study utilizes a comprehensive data set known as the Korpus Bahasa Kemurungan Bahasa Melayu (KoBKMelayu) collected from social media platforms, followed by the development of the Depression Language Database based on a corpus-driven approach. The input framework of the depression language model serves as an additional mechanism in the field of mental health, assisting clinical psychologists and doctors in identifying the level of depression, diagnosing, treating, and monitoring mental health. A Malay- language depression pattern model is generated through a combination of corpus linguistics and semantic approaches, including the selection of adjective words, the use of personal pronouns, and emotional elements.

Keywords: Language of depression, corpus data, linguistic corpus, semantic, mental health

PENGENALAN

Kemurungan menjadi isu yang semakin membimbangkan. Laporan yang dikeluarkan oleh Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2019 menyatakan bahawa seramai 4.2 juta orang menghidap penyakit mental dan kini menjadi penyakit kedua tertinggi di Malaysia selepas penyakit jantung menjelang 2020. Penyakit kemurungan juga telah dikenal pasti oleh World Health Organization (2017) sebagai penyakit keempat terbesar yang menyumbang kepada penyakit global (Global Disability) yang dialami oleh manusia seluruh dunia dan masalah kesihatan mental ini juga boleh terjadi kepada sesiapa sahaja tanpa mengenal umur, bangsa dan status kesihatan. WHO turut melaporkan pada tahun 2017 seramai 300 juta penduduk dunia mengalami kemurungan dan berlaku peningkatan sebanyak 18% bermula dari tahun 2005 hingga 2015.

Terdapat tanda-tanda dan gejala kemurungan yang telah dikenal pasti oleh pakar psikiatri dari perspektif kesihatan mental seperti kesedihan atau kekosongan perasaan yang berpanjangan, perasaan bersalah pada diri sendiri, mudah marah, kurang atau hilang minat dalam rutin aktiviti kehidupan, cemas dan kurang daya tumpuan serta ingatan. Walau bagaimanapun, tiada kajian berdasarkan perspektif bahasa dan linguistik dijalankan sebelum ini. Perspektif bahasa dan linguistik boleh membantu mengenal pasti tanda-tanda kemurungan seperti penggunaan bahasa, pemilihan leksikal, ungkapan yang menggambarkan emosi dan bahasa tubuh (non-verbal), dan tindak balas, kekerapan dan pengulangan penggunaan perkataan dalam komunikasi serta bunyi-bunyi sebutan. Hal ini kerana bahasa memainkan peranan penting dalam proses mental semasa berkomunikasi.

LATAR BELAKANG

Bahasa kemurungan merujuk kepada bahasa yang digunakan sama ada berkomunikasi secara lisan atau tulisan dan mengekspresikan diri melalui bahasa. Bahasa dianggap sebagai paparan tingkah laku dan jiwa penutur dan seterusnya menggambarkan akal budi penutur bahasa tersebut (Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid, 2015). Al-Mosaiwi & Johnstone (2018) menjelaskan bahawa individu yang mempunyai masalah kesihatan mental ini menggunakan bahasa yang berbeza dengan manusia normal yang lain. Berlaku perubahan cara mereka berinteraksi dengan orang di sekeliling semasa berkomunikasi. Perbezaan ini mencerminkan pemikiran yang berbeza bergantung kepada tahap tekanan yang mereka hadapi. Umumnya, pesakit cenderung menggunakan kata-kata yang negatif dan ini dapat menunjukkan pemikiran mereka yang rentan serta boleh diterjemahkan melalui penulisan atau pertuturan mereka. Bahasa dalam kalangan para pesakit mental mempunyai signifikan dan makna yang perlu diteliti. Pesakit mental menunjukkan diri mereka berbeza dengan orang yang berbeza. Lazimnya, para pesakit boleh berkomunikasi dengan orang-orang tertentu seperti pakar yang berkelayakan dan orang yang dipercayai sahaja, terutamanya kepada yang tidak memberi ancaman kepada mereka. Mereka menggunakan bahasa yang berbeza bergantung kepada tahap ancaman sosial yang dirasakan oleh para pesakit ini. Menurut Price Hazel, 2019:

“The language used to describe mental illness, then, has real-world and potentially fatal consequences”.

Hal ini menerangkan bahawa penggunaan bahasa oleh pesakit boleh memberi gambaran tahap kemurungan yang mereka alami sehinggakan jika berlarutan boleh membawa maut. Semua pesakit mental mempunyai spesifik mereka yang tersendiri dalam berkomunikasi dan perkara ini boleh diteliti melalui pendekatan linguistik, khususnya bidang semantik dan korpus.

BAHASA KEMURUNGAN DAN KESIHATAN MENTAL

Kesihatan mental boleh mendatangkan kesan langsung kepada kehidupan seharian dan masa depan seseorang. Jika rawatan atau sokongan sosial diberikan lebih awal, masalah ini mampu diselesaikan dengan cara yang lebih baik selain dapat membantu individu terlibat mendapatkan rawatan dan sokongan awal. Walau bagaimanapun, tahap pengetahuan kesihatan mental dalam kalangan rakyat Malaysia adalah sangat rendah (Yeap & Low, 2009). Diagnosis bagi penyakit mental adalah berbeza mengikut jenis kecelaruan yang pesakit alami, tahap keterukan, jangka masa sakit dan sejauh mana gejala itu mengganggu kefungsi kehidupan harian mereka. Melalui penelitian daripada aspek bahasa dan linguistik para pesakit kemurungan ini boleh mendapat sokongan awal atau rawatan boleh diberikan adalah dengan memahami serta mengetahui tanda-tanda awal perubahan berlaku terutamanya melalui komunikasi harian mereka iaitu penggunaan bahasa. Justeru itu, satu pangkalan data bahasa kemurungan dibina untuk menjadikan ia sebagai satu indikator kepada pengkaji bagi meneliti pola serta gaya bahasa kemurungan yang digunakan oleh para pesakit. Penelitian ini merangkumi pelbagai aspek antaranya ialah gender dan umur pesakit.

Komunikasi oleh para pesakit yang mengalami isu kesihatan mental dan kemurungan ini telah diwujudkan menerusi satu pangkalan data bahasa yang dinamakan korpus Bahasa kemurungan. Penelitian ini telah berjaya memperlihatkan pola bahasa kemurungan yang merangkumi pelbagai aspek bahasa, iaitu pemilihan leksikal, makna, unsur emosi serta kekerapan leksikal yang digunakan.

“If we understand the important processes that words trigger in our brains, we may decide that it is worth being more thoughtful in the words that we are use to describe mental health.”

(Antonis Kousoulis, 2019)

Betapa pentingnya memahami dan mengenal pasti ciri-ciri bahasa melalui penggunaan bahasa oleh individu yang mengalami masalah kesihatan mental. Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa aspek komunikasi dan interaksi para pesakit berperanan penting untuk mengetahui masalah kesihatan yang sebenar. Dalam bidang linguistik pula, ekspresi wajah atau emosi dilihat sebagai suatu proses otak yang melibatkan tindak balas saraf yang bertujuan untuk mengawal tingkah laku individu. Tindak balas saraf *nervous* pula dipengaruhi oleh pengalaman individu, interaksi sosial, bahasa dan kognitif (Damasio, 2000 dan Manstead, 2012). George *et al*, (2016) menyatakan dalam kajian beliau bahawa penelitian terhadap penggunaan bahasa (*language use*) dan ciri-ciri linguistik boleh membantu memperlihatkan perbezaan tahap kesihatan serta dapat membantu memahami keadaan kesihatan mental serta boleh membantu dalam merawatnya.

TEORI PROSODI SEMANTIK FIRTH (1957)

Teori Prosodi dibangunkan oleh Firth (1957), yang merujuk kepada tingkah laku sesuatu kata. Konsep ini diperkukuhkan oleh Louw ((Louw, 1993:157) yang menyifatkan bahawa prosodi semantik ialah aura makna yang konsisten dengan kolokasinya.

Semantic Prosody with several examples such as the adverbs utterly, the phrase bent on and the expression,”.

(Louw, 1993:157)

Berdasarkan pandangan ini, dapat dirumuskan bahawa Teori Prosodi Semantik ialah satu kerangka penelitian leksikal yang sesuai bagi melihat konteks keberadaan atau gabungan kata yang membawa makna tertentu dan menonjolkan aura makna yang konsisten. Pemanfaatan Teori Prosodi Semantik dalam kajian ini dilakukan menerusi analisis korpus seperti kolokasi, konkordans, senarai kata, kepanjangan ayat dan sebagainya. Analisis ini melalui pembinaan koleksi data raya, iaitu korpus bahasa kemurungan oleh para pesakit mental. Kajian ini juga berkaitan makna leksikal padanan, kumpul, mengasingkan dan juga membanding.

Pendekatan Prosodi Semantik ini digunakan untuk mencungkil maklumat teks yang mengandungi makna atau nilai kata seperti fungsi penggunaan leksis, jurang makna dan leksis yang bersinonim. Kepentingan konteks dalam disiplin linguistik kognitif untuk menentukan nilai sesuatu leksis yang digunakan oleh pengguna bahasa telah mendorong terhasilnya satu lagi pendekatan untuk meneliti bahasa dari skop yang luas (Zethsen, 2006). Pendekatan semantik Prosodi ini dilihat lebih khusus dan sesuai diaplikasikan dalam meneliti fenomena kepenggunaan sesuatu leksis ini.

Kajian ini menggunakan konsep *consistent aura*, iaitu konsep yang membolehkan penilaian terhadap sesuatu leksis dibuat dengan menggunakan Analisis Prosodi Semantik oleh Louw (1993). Penilaian yang dimaksudkan ialah penilaian yang menunjukkan sifat positif atau negatif sesuatu leksis, dan penilaian ini hanya boleh dibuat dengan meneliti contoh- contoh leksis yang berkolokasi dengan leksis yang lain dalam jumlah yang banyak. Berikut merupakan tiga nilai utama konsep consistent aura, iaitu:

Leksis Positif

Suatu leksis boleh dikatakan bernilai positif sekiranya leksis tersebut sering berada dalam suasana berkolokasi dengan leksis-leksis yang juga diyakini bernilai positif. Perkembangan yang positif ini dinamakan sebagai ameliorasi, iaitu proses perubahan makna sesuatu kata yang kurang elok kepada makna yang lebih baik dan bernilai positif.

Leksis Negatif

Sesuatu leksis juga boleh dipercayai bernilai negatif apabila berada dalam suasana berkolokasi dengan leksis-leksis yang turut diyakini bernilai negatif. Keadaan ini pula dinamakan sebagai keadaan peyorasi atau keadaan perkembangan makna yang bernilai negatif.

Leksis Neutral

Sekiranya leksis tersebut tidak menunjukkan potensi untuk berada dalam suasana tertentu atau terhad kepada suatu keadaan sahaja (sama ada positif atau negatif), maka leksis tersebut boleh diinterpretasikan sebagai leksis yang bernilai neutral. Walau bagaimanapun, bukan semua leksis boleh dinilai menggunakan pendekatan ini. Hanya leksis-leksis yang menunjukkan perilaku yang penting sahaja dapat menggambarkan fenomena prosodi. Kumpulan leksis ini dikenali sebagai leksis dominan (content atau dominant lexical) seperti leksis kata nama, kata kerja dan kata adjektif.

Pendekatan Prosodi Semantik

Pendekatan Prosodi Semantik dipilih adalah untuk meneliti fenomena kepenggunaan sesuatu leksis menunjukkan nilai sebenar leksis-leksis tersebut. Terdapat nilai yang dianggap sebagai nilai sosial (*social value*) yang melambangkan nilai peradaban yang dikongsi oleh sesebuah masyarakat (Aziz Deraman, 2010). Hal ini kerana, pemikiran logik yang menentukan persoalan berkenaan penghayatan, perasaan, dan kepuasan. Maka tidak hairanlah, bagi sesetengah orang atau masyarakat, sesuatu itu sangat bernilai bagi mereka, tetapi tidak pula bagi sesetengah orang atau masyarakat yang lain. Nilai sosial juga merupakan nilai yang diproyeksikan melalui perbuatan. Selain nilai sosial, terdapat juga lagi satu nilai iaitu nilai linguistik (*linguistics value / variables*). Nilai linguistik pula ialah nilai yang dipamerkan menerusi leksis-leksis yang sering digunakan oleh masyarakat ketika berbahasa (Wolfram, 1991). Dalam hal ini, pemilihan leksis-leksis tertentu ketika berbahasa boleh menjelaskan nilai linguistik yang digunakan oleh seseorang penuturnya sama ada boleh membawa konotasi yang positif atau sebaliknya. Misalnya, terdapat leksis yang secara jelas telah memperlihatkan nilai positif seperti leksis terima kasih, menghargai, dan budi, manakala terdapat juga leksis yang secara nyata mendukung nilai yang negatif seperti leksis bodoh, babi, dan celaka.

METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif dengan menerapkan pendekatan analisis kandungan iaitu analisis teks selaras dengan matlamat utama penyelidikan ini dilakukan iaitu mengenal pasti dan menganalisis ciri-ciri linguistik yang terkandung dalam data kajian. Rashidi et al (2014) menyatakan bahawa kaedah analisis kandungan merujuk kepada pendekatan yang mempunyai kelebihan dari segi tahap sensitivitinya ke atas kandungan sesuatu teks, dokumen atau laporan yang dikaji. Kajian ini memanfaatkan himpunan data korpus yang berbentuk digital menerusi perisian Lancsbox 6.0. Perisian ini membolehkan peneliti melakukan pelbagai jenis analisis korpus, seperti *Key Word in Context (KWIC)*, *Graphcoll*, *Whelk*, *Ngrams*, *Wordlist*, *Text* dan *Wizard*. Analisis KWIC membolehkan pengkaji melihat kata kunci dalam konteks yang digunakan dalam teks manakala *Graphcoll* dan *Whelk* membolehkan visualisasi jaringan kata-kata yang digunakan dalam korpus. *Ngrams* pula membolehkan pengkaji menganalisis

penggunaan sekumpulan kata yang bersebelahan dalam teks. Seterusnya *Wordlist* memaparkan frekuensi kata-kata dalam korpus, dan *Text* dan *Wizard* membolehkan analisis terperinci mengenai aspek linguistik tertentu dalam korpus.

Pendekatan Linguistik Korpus

Kajian ini memanfaatkan pendekatan linguistik korpus bagi membuktikan fenomena sesuatu bahasa berdasarkan koleksi teks yang dihasilkan. Ia merupakan satu kaedah untuk menjelaskan fenomena bahasa berdasarkan penggunaan kata dominan yang berkolokasi dengan kata kunci kajian. Dalam erti kata lain, pendekatan linguistik korpus ialah satu kaedah pemprosesan kata secara praktis kerana sebahagian besar analisis dilaksanakan secara automatik dengan bantuan aplikasi perisian berkompputer. Pendekatan linguistik korpus membantu pemahaman makna sesuatu kata secara sistematik serta saintifik (Leech, 1992). Memanfaatkan data korpus membolehkan pengkaji melihat fenomena bahasa itu secara lebih jelas, perinci, praktikal, dan bermakna (Effendy Yusuff, 2018). Keistimewaan pendekatan linguistik korpus ialah kemampuannya dalam meneliti fenomena bahasa pada peringkat kata secara sistematik dan saintifik dengan menggunakan data yang luas dan berkapasiti tinggi.

Dengan menggunakan perisian Lancsbox 6.0 ini, penelitian dapat mengumpulkan data korpus bahasa kemurungan dan menganalisis ciri-ciri linguistik yang terkandung di dalamnya. Analisis ini memberikan wawasan mengenai kekerapan kata, pola penggunaan leksikal, dan penggunaan bahasa lain yang berkaitan dengan kemurungan. Dapatan dari analisis kandungan ini membantu mengenali dan memahami ciri-ciri bahasa yang terkait dengan kemurungan dalam konteks penyakit mental.

Korpus Bahasa Kemurungan

Kajian ini menggunakan himpunan teks berdasarkan hantaran status (*posting*) yang dimuat naik oleh komuniti pesakit yang mengalami kemurungan dan isu kesihatan mental di laman siber Facebook. Satu komuniti siber telah dipilih, iaitu ialah kumpulan *Depression Survivors* (Malaysia) yang kini telah mencecah hampir 22.5 ribu ahli. Pemilihan platform ini bersesuaian dengan pernyataan oleh D. Hwang and Kristy Hollingshead (2016), yang menyatakan media sosial merupakan platform yang menyediakan wacana bahasa bukan rekaan dan bukan ditapis oleh generasi 'dalam talian' sekali gus menjadi sumber kepada analisis penggunaan bahasa kontemporari. Platform ini digunakan oleh individu yang mengalami masalah kesihatan mental dan kemurungan. Mereka memilih untuk berkomunikasi di alam maya kerana isu keselamatan dan privasi.

Bermula dengan sesi pembersihan data korpus yang diambil melalui hantaran di Facebook tersebut, kemudian melalui proses lain seperti *tagging* dan *labelling*. Pangkalan data korpus berjaya dibina, iaitu Korpus Bahasa Kemurungan Bahasa Melayu (KoBKMelayu) seterusnya ditambah baik dari semasa ke semasa. Pengumpulan data bermula pada November 2021 sehingga April 2022 yang telah memakan masa selama enam (6) bulan. Saiz keseluruhan korpus mencapai sebanyak 142258 perkataan.

Bagi mendapatkan kesahan, pengkaji telah menjalan proses Etika Penyelidikan Universiti (*Research Ethics Committee*, REC) terlebih dahulu dan antara proses yang perlu dilakukan adalah dengan memohon keizinan setiap ahli dan ketua komuniti siber tersebut untuk dijadikan sebagai responden kajian. Kewajaran pemilihan data di media sosial ini ialah kewujudan kumpulan pesakit mental di laman sosial yang semakin meningkat saban tahun. Para pesakit mental ini dilihat lebih selesa memilih platform alam maya seperti Facebook untuk berkomunikasi dalam kalangan mereka disebabkan oleh isu privasi dan keselamatan diri. Cara ini dianggap sebagai salah satu kaedah yang memberi keselesaan kepada pesakit kerana dapat berkomunikasi dengan orang yang lain tanpa bersemuka.

Menurut Sarah Clement et al (2013), pesakit yang mempunyai masalah kesihatan mental

sering menghadapi stigma dan perspektif daripada masyarakat luar. Hal ini turut memberi kesan yang buruk pada kehidupan mereka untuk berhadapan dengan orang lain, terutamanya secara bersemuka. Tambahan lagi, laporan klinikal dari kajian Sarah Clement (2013) juga mendapati bahawa intervensi media massa boleh mengurangkan tahap prejudis dan diskriminasi kepada pesakit walaupun jumlahnya sedikit.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian yang dijalankan dengan jelas menunjukkan terdapatnya pola bahasa yang digunakan oleh pesakit kemurungan terhadap pengaplikasian korpus bahasa kemurungan ini. Terdapat tiga (3) dapatan utama iaitu seperti yang berikut:

- a) Leksis Emosi dalam Korpus Bahasa Kemurungan
- b) Kata Adjektif dalam Korpus Bahasa Kemurungan serta
- c) Kata Ganti Nama Diri dalam korpus Bahasa Kemurungan.

a) Leksis Emosi dalam Korpus Bahasa Kemurungan

Berdasarkan pembangunan pangkalan data korpus bahasa kemurungan, kajian ini merupakan kajian pertama telah memfokuskan kepada unsur emosi yang terkandung dalam komunikasi para pesakit kemurungan. Pendekatan Prosodi Semantik meneliti fenomena kepenggunaan dan nilai sesuatu leksis dalam bahasa, iaitu memfokuskan kepada leksis yang mempunyai unsur emosi.

Kajian ini berupaya merungkai dan menganalisis nilai leksis 'rasa' yang dilihat mempunyai rangkuman bahasa emosi dan perasaan seseorang. Leksis 'rasa' dalam data korpus bahasa kemurungan ini dipilih dan dianalisis adalah untuk melihat bagaimana cara individu yang mengalami masalah kesihatan mental atau gangguan kemurungan ini mengekspresikan emosi mereka dengan menggunakan leksikal 'rasa'. Antaranya emosi kesedihan, ketakutan, kekecewaan dan putus harapan yang telah diluahkan dalam komunikasi mereka. Melalui pendekatan Prosodi Semantik, kajian ini merungkaikan konflik nilai leksis rasa ini sama ada bernilai positif, negatif atau neutral dalam komunikasi. Pemilihan leksis 'rasa' kerana leksis ini merupakan golongan kata kerja yang paling kerap digunakan dalam korpus bahasa kemurungan, iaitu sebanyak 1327 kali.

Hasil analisis menunjukkan nilai leksis 'rasa' membuktikan bahawa, komuniti kemurungan ini menggunakan kata 'rasa' untuk meluahkan perasaan serta emosi mereka. Kekekapan leksikal rasa ini digunakan lebih kerap menunjukkan negatif berbanding positif. Nilai negatif yang diperolehi menunjukkan konteks negatif seperti keinginan untuk mati, mempunyai rancangan untuk membunuh diri, tidak menyenangkan serta mempunyai kemudaratan yang berpanjangan. Jadual berikut merupakan kolokasi leksikal rasa yang menunjukkan emosi negatif yang di alami oleh para pesakit. Emosi negatif adalah seperti rasa sedih, rasa sakit mengenai pengalaman para pesakit yang merasai kegagalan dalam kehidupan, menyalahkan diri sendiri, berasa diri sendiri tidak berguna, sentiasa kurang yakin, diulit rasa bersalah dan menyusahkan orang lain.

JADUAL 1. Kolokasi Leksis Rasa

| Bil. | Kolokasi Leksis Rasa (Unsur Emosi) | Frekuensi (Kolokasi) |
|------|---------------------------------------|-------------------------|
| 1. | rasa sedih | 83 |
| 2. | rasa sakit | 75 |
| 3. | rasa takut | 67 |
| 4. | rasa penat | 59 |
| 5. | rasa mati | 48 |
| 6. | rasa down | 42 |


Jadual 1 membuktikan bahawa sesuatu leksis dapat difahami berdasarkan cara penutur memmanifestasikan penilaian mereka dalam sesuatu leksis tersebut. Kekerapan leksikal prosodi yang negatif lebih kerap digunakan oleh komuniti yang mengalami masalah kemurungan ini. Kolokasi leksikal rasa yang berdampingan dengan makna negatif seperti rasa sedih, rasa sakit, rasa takut, rasa penat, rasa mati dan rasa down menunjukkan emosi yang dialami oleh para pesakit secara kerap. Komuniti siber ini didapati lebih banyak menggunakan leksikal negatif bagi menggambarkan keadaan atau perasaan dalam kehidupan yang mereka.

b) Kata Adjektif dalam Korpus Bahasa Kemurungan

Seterusnya, para pesakit juga menggunakan kata adjektif yang kerap menerusi pola bahasa yang terdapat dalam korpus bahasa kemurungan ini. Pemilihan kata adjektif ini jelas kerana para pesakit kerap menggunakan kata adjektif bagi menyatakan keadaan serta situasi yang mereka alami. Terdapat tujuh (7) jenis kata adjektif yang ditemui iaitu kata adjektif sifat atau keadaan, warna, bentuk, perasaan, ukuran, cara, dan pancaindera. Melalui janaan korpus bahasa kemurungan ini, kata adjektif yang paling kerap digunakan oleh para pesakit adalah leksikal 'sakit'. Merujuk kepada Kamus Dewan (2007) sakit membawa maksud menderita sesuatu.

Leksikal sakit yang digunakan melalui ayat serta frasa yang diujarkan oleh pesakit boleh merujuk kepada diri sendiri dan orang lain yang berada di sekelilingnya. Pengkaji meneliti penggunaan kata adjektif ini dan boleh dikategorikan kepada dua, iaitu kolokasi sakit yang melibatkan **unsur fizikal** dan **unsur bukan fizikal**, seperti dalam gambar rajah berikut:

RAJAH 1. Kolokasi Kata Adjektif Sakit dengan Unsur Fizikal



Berdasarkan Rajah 1, kata adjektif sakit yang melibatkan unsur fizikal boleh dilihat melalui hubungan kolokasi kata sakit dengan organ tubuh badan seperti sakit **kepala**, sakit **badan**, sakit **dada**, sakit **perut**, sakit **jantung**, sakit **otot** dan sakit **sendi**. Pesakit lebih kerap menyatakan kesakitan yang mereka alami berkaitan dengan fizikal atau tubuh badan mereka. Berikut merupakan contoh penggunaan kata adjektif sakit yang melibatkan fizikal atau tubuh badan yang merujuk kepada diri pesakit sendiri:


Data 1: Bila aku masam sikit, hanya sekejap, sekadar untuk lepaskan rasa **sakit di dada**, orang tak boleh terima.

Data 2: Ada ke cara lain selain cabut gigi untuk hilangkan sakit... dah 36jam xtido... sebab gusi akar ni berdenyut2 sampai **sakit kepala**.

Antara gejala individu yang mengalami masalah kemurungan atau kesihatan mental ini ialah menerima gangguan fizikal, seperti simptom fisiologi seperti sakit kepala, sakit-sakit badan, gangguan penghadaman dan sistem kekebalan tubuh yang lemah. Selain itu, ada sesetengah akan mengalami sakit otot dan leher yang biasanya menandakan tekanan emosi. Dapatan korpus ini juga selaras penyataan Nor 'Aina Fariha et. al. (2020) iaitu tekanan-tekanan seumpama ini boleh menyebabkan keadaan fizikal terganggu dan menyebabkan seseorang itu hilang kawalan seterusnya membawa kepada tekanan perasaan yang tinggi dan masalah kecelaruan mental.

Bagi kata adjektif sakit yang berkolokasi dengan unsur bukan fizikal pula terdapat empat frasa yang ditemui iaitu seperti dalam rajah berikut:

RAJAH 2. Kolokasi Kata Adjektif Sakit dengan Unsur Bukan Fizikal



Terdapat simptom bagi para pesakit mental yang melibatkan kemurungan yang teruk antaranya merasakan diri mereka mengalami gangguan kognitif atau keabnormalan berfikir. Berdasarkan Rajah 2, kolokasi kata adjektif 'sakit' didapati kerap digunakan dengan unsur bukan fizikal iaitu seperti sakit **jiwa**, sakit **mental**, sakit patah **hati** dan sakit **hati**. Hal ini menunjukkan pesakit menerangkan keadaan yang mereka alami bukan sahaja sakit fizikal malah melibatkan sakit yang bukan fizikal yang berkaitan rapat dengan emosi dan perasaan mereka.

Data 1: Saya penat nangis, penat **sakit hati**.
Tak boleh terima.

Data 2: Ni **sakit mental** kategori apa ya buat orang jadi dung

Para pesakit kemurungan ini mengalami gangguan pada sistem kognitif serta emosi sebagai contohnya mereka mengalami delusi dan halusinasi. Pesakit biasanya mengalami halusinasi jenis auditori seperti mendengar bisikan atau suara-suara ghaib yang bercakap dengannya. Ada juga yang mengalami gangguan suara yang biasanya menyuruh individu tersebut melakukan sesuatu yang buruk. Perkara ini jelas menunjukkan pesakit yang mengalami masalah kognitif iniboleh dikaitkan dengan frasa sakit jiwa, sakit mental dan sakit hati. Pemilihan kata adjektif daripada teks media sosial ini dilihat sebagai petunjuk yang boleh mengesan tahap dan profil kemurungan.

c) Kata Ganti Nama (KGND) dalam Korpus Bahasa Kemurungan

Seterusnya penelitian dilakukan kepada aspek kata ganti nama diri (KGND). Penggunaan KGND yang berbeza dalam komunikasi harian merupakan salah satu bentuk pola bahasa yang boleh dikenal pasti dan ini juga merupakan petanda awal bagi seseorang yang mengalami

masalah kemurungan atau isu dalam kesihatan mental. Menerusi penelitian, pengkaji mendapati para pesakit menggunakan platform *Depression Survivors* (Malaysia) untuk berkongsi kisah kehidupan serta pengalaman mereka, terutamanya dalam cabaran sebagai pesakit mental dan kemurungan. Mereka selesa menggunakan KGND secara kerap untuk berkongsi tentang kisah- kisah hidup mereka. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati terdapat pola yang berbeza antara penggunaan KGND oleh pesakit lelaki dan pesakit wanita. Berdasarkan penjanaan kolokasi KGND pertama, kedua dan ketiga, berikut merupakan dapatan yang menunjukkan perbezaan pola penggunaan KGND;

JADUAL 3. Kolokasi Kata Ganti Nama Saya dan Aku Responden Lelaki

| | KOLOKASI KIRI | KEKERAPAN | KOLOKASI KANAN | KEKERAPAN |
|---------------------------|---------------|-----------|----------------|-----------|
| KOLOKASI KGND SAYA | Perasaan | 30 | Sakit | 63 |
| | Masalah | 29 | Tidur | 34 |
| | Hidup | 26 | Bersyukur | 29 |
| | Hati | 24 | Luahkan | 15 |
| | Teruk | 22 | Menangis | 14 |
| | Rawatan | 17 | Redha | 14 |
| | Depression | 16 | Susah | 13 |
| | Penat | 14 | Depress | 12 |
| | Duit | 12 | Fikir | 12 |
| | Kesakitan | 12 | Mampu | 12 |
| KOLOKASI KGND AKU | Hidup | 53 | Down | 20 |
| | Hati | 25 | Teruk | 20 |
| | Masalah | 20 | Sakit | 19 |
| | Mati | 16 | Marah | 18 |
| | Gila | 14 | Salah | 13 |
| | Nyawa | 12 | Benci | 11 |
| | Jiwa | 11 | Ketawa | 10 |
| | Teruk | 14 | Sedih | 9 |
| | Sakit | 12 | Serabut | 9 |
| | Takut | 9 | Bersalah | 8 |

Jadual 3 menunjukkan kolokasi bagi KGND *saya* dan *aku* yang digunakan oleh responden lelaki. Leksikal yang bertanda merah membawa konteks dan maksud negatif manakala leksikal berwarna hitam mewakili maksud positif. Kolokasi KGND saya menunjukkan enam (6) leksikal negatif yang berkolokasi dengan leksikal *sakit, teruk, penat, susah, menangis, depression*. Leksikal ini menunjukkan responden lelaki menceritakan kisah kehidupan mereka dengan emosi dan keadaan negatif yang mereka lalui. Bagi penggunaan KGND aku pula menunjukkan bahawa sebanyak 12 leksikal membawa maksud negatif, *iaitu mati, gila, jiwa, teruk, sakit, takut, down, marah, sedih, serabut, bersalah* dan *benci*. Responden lelaki lebih bersikap terbuka dan berterus terang apabila menggunakan KGND aku ketika menceritakan kisah peribadi mereka berbanding responden wanita.

JADUAL 4. Kolokasi Kata Ganti Nama Saya dan Aku Responden Wanita

| | KOLOKASI KIRI | KEKERAPAN | KOLOKASI KANAN | KEKERAPAN |
|--|---------------|-----------|----------------|-----------|
| | Hati | 170 | Penat | 140 |

| | | | | |
|--------------------|----------|----------|---------|-----|
| KOLOKASI KGND SAYA | Sakit | 157 | Marah | 120 |
| | Perasaan | 93 | Mati | 101 |
| | Hidup | 88 | Sedih | 98 |
| | Masalah | 68 | Takut | 80 |
| | Bunuh | 59 | Suka | 59 |
| | Salah | 47 | Bodoh | 58 |
| | Mental | 44 | Kuat | 49 |
| | Happy | 43 | Benci | 48 |
| | Bahagia | 40 | Gila | 45 |
| KOLOKASI KGND AKU | Sakit | 61 | Takut | 51 |
| | Hati | 39 | Hidup | 48 |
| | Perasaan | 35 | Penat | 37 |
| | Salah | 35 | Mati | 31 |
| | Masalah | 28 | Sedih | 31 |
| | Teruk | 19 | Risau | 26 |
| | Mental | 17 | Bodoh | 24 |
| | Kepala | 13 | Anxiety | 23 |
| | Emosi | 12 | Marah | 23 |
| Kesihatan | 11 | Menangis | 19 | |

Jadual 4 pula menunjukkan penggunaan kolokasi KGND *aku* dan *saya* dalam korpus bahasa kemurungan oleh pesakit wanita. Kedua-dua kata ganti nama diri ini mencatatkan leksikal yang paling kerap digunakan oleh para pesakit wanita apabila mereka berkongsi cerita atau masalah yang mereka hadapi. Pesakit wanita cenderung menggunakan KGND *aku* berbanding KGND *saya*. Terdapat 13 leksikal negatif yang berkolokasi dengan leksikal *aku*, iaitu *sakit*, *bunuh*, *penat*, *marah*, *mental*, *bodoh*, *mati*, *sedih*, *gila*, dan *benci*. Manakala untuk KGND *saya* terdapat juga penggunaan leksikal positif seperti *bahagia*, *suka* dan *happy*.

Bagi penggunaan KGND *saya* pula menunjukkan responden wanita kurang menggunakan leksikal negatif berbanding penggunaan KGND *aku*. Secara keseluruhannya, kekerapan penggunaan perkataan menunjukkan bahawa responden wanita lebih cenderung menggunakan KGND *aku* bagi menzahirkan perasaan amarah, sakit hati serta dendam yang mereka alami berbanding dengan KGND *saya*. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pesakit yang mengalami masalah kesihatan mental lebih cenderung untuk menggunakan konteks dan maksud yang negatif dalam komunikasi harian mereka berbanding penggunaan konteks yang positif. Konkordans yang dijana dalam setiap leksikal yang bertanda merah juga menunjukkan keadaan mereka yang mengalami pelbagai masalah berkaitan dengan emosi serta kesihatan yang tidak stabil.

Pola bahasa ini bukan sahaja menunjukkan tahap serta konteks negatif yang dilalui oleh para pesakit tetapi juga memberi gambaran emosi dan keadaan serta aspek kehidupan mereka berdasarkan gender yang berbeza. Pesakit wanita lebih cenderung menggunakan KGND *aku* berbanding dengan KGND *saya* manakala golongan lelaki adalah sebaliknya.

Pesakit lelaki juga dilihat tidak gemar menggunakan KGND *aku* kerana lebih memilih bersikap mendiamkan diri dan tidak suka berterus terang. Pesakit lelaki hanya akan menggunakan KGND *aku* apabila dalam keadaan marah atau mengalami tekanan yang kuat. Lazimnya, mereka akan menggunakan KGND *saya* untuk bercerita secara santai dan berkomunikasi di dalam platform dalam talian tersebut.

Dapatan ini juga membuktikan para pesakit wanita lebih kerap menggunakan KGND *aku* berbanding KGND *saya* untuk menunjukkan mereka mempunyai emosi yang kuat, terutamanya apabila dalam keadaan marah, tertekan, sedih serta kecewa dengan kehidupan

mereka. Selain itu, pesakit wanita memilih untuk berkomunikasi secara berterus terang, bertindak dan membuat keputusan dengan cepat. Mereka juga lebih banyak bercakap (berdasarkan bilangan tokens responden lelaki dan responden wanita) dengan meluahkan perasaan berbanding dengan pesakit lelaki yang lebih memilih untuk berdiam diri dan menyimpan sahaja perasaan mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menemui pola bahasa daripada pembinaan dan pengumpulan korpus bahasa kemurungan di media sosial. Pendekatan bahasa dan linguistik ini dapat memberikan penerangan dan pemahaman tambahan mengenai tanda-tanda dan gejala kemurungan. Analisis bahasa dan linguistik dapat memberikan wawasan mengenai pemilihan leksikal, penggunaan ungkapan emosi, bahasa tubuh (non-verbal), dan tindak balas (psikolinguistik), kekerapan dan pengulangan perkataan dalam komunikasi, serta bunyi sebutan. Tambahan pula, pembinaan korpus yang bersaiz sederhana ini akan sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa bagi mendapatkan data yang lebih signifikan berkenaan dengan fenomena kemurungan dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Dapatan pola bahasa seperti senarai kekerapan leksikal, penggunaan unsur emosi, kata adjektif serta pelbagai elemen bahasa didapati menyumbang kepada pola serta gaya komunikasi para pesakit kemurungan. Hal ini juga boleh membantu bidang kesihatan awam, terutamanya para doktor dalam menjalankan proses diagnosis terhadap pesakit. Dapatan pola bahasa ini juga boleh membantu masyarakat dalam memahami para pesakit serta membantu mengenal pasti tanda-tanda awal tentang penyakit mental.

Berdasarkan dapatan kajian ini, kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan mental dan fizikal harus diberikan kepada segenap lapisan masyarakat. Selain itu, perlu memberikan kesedaran agar mereka mendapatkan rawatan dengan segera di hospital sekiranya terdapat tanda-tanda kemurungan. Kerjasama daripada masyarakat juga boleh membantu apabila mengetahui serta memahami tanda-tanda awal penyakit kemurungan ini agar kesan negatif yang berlarutan dapat dicegah serta membantu pesakit untuk mendapat kehidupan yang baik dengan keadaan persekitaran mereka. Impak kepada kemurungan ini memberi kesan yang teruk kepada individu, keluarga dan masyarakat di sekeliling. Selain itu, tahap kesedaran terhadap penjagaan kesihatan mental dan fizikal amat penting untuk ditingkatkan dalam masyarakat bagi menjamin kehidupan yang sihat, selamat, teratur dan maju. Masyarakat perlu bekerjasama dalam memberikan sokongan padu baik dari segi sokongan moral dan emosi bagi memberi semangat kepada pesakit mental bahawasanya mereka juga berhak mengecapi kehidupan sebagaimana individu lain (Nor 'Aina Fariha et al. 2020).

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor yang telah membiayai penyelidikan ini melalui Geran Inisiatif APB(GIA)- 600-APB (PT.5/1).

RUJUKAN

Antonis Kousoulis. 2019. Why The Language We Use To Describe Mental Health Matters. Retrieved September 20, 2021 from <https://www.mentalhealth.org.uk/explore-mental->

- health/blogs/why-language-we-use-describe-mental-health.
- Al-Mosaiwi, M. 2018. People With Depression Use Language Differently—Here’s How To Spot It. The Conversation. Retrieved on February 5, 2018 from <https://theconversation.com/people-with-depression-use-language-differently-heres-how-to-spot-it-90877>.
- Al-Mosaiwi, M., & Johnstone, T. 2018. Linguistic Markers of Moderate and Absolute Natural Language. *Personality and Individual Differences*, 134, 119–124.
- Aziz Deraman. 2010. *Wacana peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Clement S, Lassman F, Barley E, Evans-Lacko S, Williams P, Yamaguchi S, Slade M, Rüsçh N, Thornicroft G. 2013. Mass Media Interventions for Reducing Mental Health-Related Stigma. *Cochrane Database of Systematic Reviews*, Issue7.
- Damasio, A. 2000. *The feeling of what happens*. London: Vintage.
- Effendy Yusuff, Anida Sarudin & Norliza Jamaluddin. 2018. Leksis Bagaton Dalam Korpus Bahasa Melayu Sebagai Simbol Keintelektualan Masyarakat Peribumi Sabah. *Jurnal Melayu*, 17 (1), 1-15.
- Firth, J. R.1957. Modes of Meaning. In. F. R. Palmer (Ed.), *Papers in Linguistics*,190- 215. London: Oxford University Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Louw, B. 1993. Irony in The Text or Insincerity in The Writer? The Diagnostic Potential Of Semantic Prosodies. In M. Baker, G. Francis, & E. Tognini Bonelli (Eds.), *Text and Technology: In Honour Of John Sinclair*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Co. 157-175.
- Leech, G. N.1992. Corpus Linguistics and Theoris Of Linguistics Performance. In. Svartvik, J. (Eds.). *Directions in Corpus Linguistics: Proceedings of Nobel Symposium*, 82, 105-122.
- Nor ‘Aina Fariha et al. 2020. Persepsi Masyarakat dan Pesakit Terhadap Kesihatan Mental. *Jurnal Wacana Sarjana*. Volume 4(1) Januari 2020: 1-13
- George et al. 2016. The Language of Mental Health Problems in Social Media. *Conference: 3rd Workshop on Computational Linguistics and Clinical Psychology: From Linguistic Signal to Clinical Reality*. 63-73.
- Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid. 2015. Akal Budi Melayu Dalam Mantera: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Melayu*. 14(20), 260-273.
- Price, Hazel .2019. The Discursive Construction of Mental Illness in UK Newspapers (1984-2014): A Critical Corpus Linguistic Analysis. Doctoral thesis, University of Huddersfield.
- Rashidi, M. et al. 2014. The Conduct of Structured Interviews as Research Implementation Method. *Journal of Advanced Research Design*, 1(1), 28-34.
- Wolfram, W. 1991. The Linguistics Variables: Facts and Fantasy. *American Speech*, Vol. 66, No. 1 (Spring, 1991), 22-32. World Health Organization. 2017. Depression and Other Common Mental Disorders: Global Health Estimates. World Health Organization. Geneva. Retrieved Mac 20, 2022 from http://www.who.int/mental_health/management/depression/prevalence_obhealt.
- Yeap, R., & Low, W. Y. 2009. Mental Health Knowledge, Attitude And Help-Seeking Tendency: A Malaysian Context. *Singapore Med J.*, 50(12), 1169–76.
- Zethsen, K. K. 2006. Semantic Prosody: Creating Awareness About A Versatile Tool. *Journal of Sprogforskning, Årgang*, 4 (1-2), 275-294.

Biodata Penulis:

Umaimah Kamarulzaman ialah pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah Semantik, Bahasa Melayu kepada Pelajar Asing, Tatabahasa Melayu, Retorik dan Korpus Linguistik.

Rozaimah Rashidin (PhD) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah semantik, pragmatik, semiotik dan linguistik korpus.

Zuraidah Jantan merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah fonetik, fonologi dan analisis wacana.

Nurul Afnieza Md Zain ialah pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah fonetik, fonologi, tatabahasa Melayu serta protokol dan etika sosial.